

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Thursday, 9 March, 2017 3:01 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Mohd Azril Bin Ismail
Subject: INASIS MAS ONLINE: KURSUS EJEN KASTAM (EKSEKUTIF) SIRI 1/2017



9 MAC 2017, KHAMIS | 10 JAMADILAKHIR 1438H



Diterbitkan oleh Unit Penerbitan, Media & Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia

INASIS MAS ONLINE: Biro Akademik, Pendidikan dan Latihan JKPS INASIS MALAYSIA AIRLINES telah mengadakan Kursus Ejen Kastam (Eksekutif) Siri 1/2017 pada 10 Januari hingga 22 Januari 2017. Program yang diarahkan oleh Muthia Houra Binti Ilyas merupakan program profesional yang pertama kali dianjurkan oleh INASIS MAS dengan kerjasama Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI UUM).

Program ini merupakan satu daripada inisiatif INASIS MAS dan CEDI UUM dalam meningkatkan kadar kebolehpasaran mahasiswa UUM dengan kemahiran tambahan seperti mendapatkan sijil Kastam Diraja Malaysia. Program ini telah dirasmikan oleh Dr. Mohd Dino Khairri bin Sharifudin, Pengarah Hal Ehwal Pelajar (HEP) UUM. Perasmian program turut dihadiri oleh Dr. Mohd Najib bin Mansor, Pengarah CEDI UUM, Pengetua INASIS MAS, Dr. Mohd Azril bin Ismail serta Encik Fadzil bin Mohd Husin, selaku penyelarass Kursus Ejen Kastam ini.

Kursus ini telah dihadiri oleh 125 peserta yang terdiri daripada mahasiswa UUM. Bagi membantu meningkatkan kadar kebolehpasaran mahasiswa, UUM telah mengambil inisiatif yang terbaik dengan menawarkan kepada pelajar pakej Kursus Ejen Kastam yang berharga RM500. Sebanyak RM1380 telah disubsidikan oleh UUM untuk setiap pelajar yang menyertai kursus ini.

Setiap mahasiswa yang bakal menamatkan pengajian di UUM amat digalakkan untuk menyertai kursus ini kerana banyak peluang pekerjaan boleh diceburi setelah tamat kursus dengan jayanya.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.